

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL**  
**ANUAR BIN WAN AHMAD**  
**[ KUALA KANGSAR]**
- TARIKH** : **8 APRIL 2014**
- SOALAN** : **Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian di dalam menentukan tahap keselamatan rakyat Malaysia di Iran memandangkan telah keluar kenyataan daripada ulama berpengaruh di sana yang menyelar tindakan Kerajaan terhadap pengikut ajaran Syiah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keselamatan rakyat Malaysia yang berada di luar negeri termasuklah di Iran sentiasa diberikan keutamaan oleh Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri sedia maklum bahawa isu penyebaran fahaman Syiah di Malaysia telah mendapat perhatian pihak-pihak tertentu di Iran. Memandangkan sensitiviti isu tersebut (Syiah) yang boleh menggugat hubungan baik sedia ada antara Malaysia dan Iran, Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa ia perlu ditangani secara berhemah bagi mengelakkan sebarang implikasi negatif.

3. Oleh itu, Kementerian Luar Negeri dan Kedutaan Besar Malaysia di Tehran, Iran sentiasa memantau perkembangan dan reaksi pihak tertentu di Iran terhadap isu ini dengan kerjasama rapat daripada Kerajaan Iran di Tehran dan Kedutaan Besar Iran di Malaysia. Kementerian Luar Negeri juga telah mengeluarkan kenyataan menggesa pihak terbabit di Malaysia untuk tidak mengaitkan isu ini dengan mana-mana negara. Alhamdulillah, setakat ini rakyat Malaysia yang berada di Iran dilaporkan berada dalam keadaan selamat.

4. Kementerian melalui Kedutaan Besar Malaysia di Tehran, Iran sentiasa bersedia untuk memberikan bantuan yang sewajarnya, khususnya bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang berada di Iran sebagai pelajar, pekerja, pelancong atau bermastautin. Kementerian dan Kedutaan Besar Malaysia di Tehran juga memberikan nasihat perjalanan dari semasa ke semasa kepada rakyat Malaysia yang ingin mengadakan lawatan ke Iran.

Sekian, terima kasih.